

Liga penalti dapat sambutan



Kejohanan melibatkan sebanyak 72 pasukan.



Antara pasukan yang sertai kejohanan dan bergambar dengan Rosol (belakang, empat, kiri).

72 pasukan pamer kehebatan, JKS Tembila muncul juara

NOOR HAYATI MAMAT

HULU TEREANGANU

Pasukan Jabatan Keselamatan (JKS) Tembila muncul juara Kejohanan Liga Penalti Terbuka Parlimen Hulu Terengganu selepas menundukkan pasukan Langgar FC dengan keputusan 6-5. Kejohanan berlangsung di Padang Astaka, Kuala Berang, di sini,

mendapat sambutan menggalakkan pemain di sekitar daerah berkenaan dengan disertai 72 pasukan membabitkan kira-kira 500 pemain.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi berkata, program seperti itu akan mendapat sambutan hangat jika terus diadakan kerana pertandingan seumpama ini boleh dianggap unik.

"Tahniah kepada pihak peng-anjur kerana menganjurkan program yang menarik untuk belia bagi memenuhi masa lapang mereka, maka dengan itu belia tidak akan terjebak dengan aktiviti yang kurang berfaedah.

"Aktiviti sukan dan kecergasan serta memerlukan kemahiran yang tinggi ini dapat membantu ke arah membentuk belia yang prihatin,

sekali gus membolehkan JKS Tembila selaku juara membawa pulang hadiah berupa piala, medal dan wang tunai RM1,000.

Pasukan naib juara, Langgar FC sekadar berpuas hati menerima hadiah berupa medal serta wang tunai RM700, manakala tempat ketiga bersama menjadi milik pasukan Akademi Hulu & PG Aircond FC yang menerima wang tunai RM300.

Sementara itu, tempat kelima hingga ke lapan kejohanan perintis anjuran Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), masing-masing membawa pulang wang tunai RM100.

Walaupun baru diperkenalkan, kejohanan yang hanya memper-tandingkan sepakan penalti itu

Rosol (empat, kiri) selaku penyampai hadiah bersama barisan tetamu kehormat termasuk Ahmad Zubaidi (tiga, kiri).

cegas dan membina negara ter-cinta," katanya.

Hadiah kejohanan itu disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah UniSZA, Datuk Rasol Wahid dan turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Nik Wan Omar.